

Headline	Mengerakkan Agenda Pertanian Baru	Language	MALAY
Date	29. Aug 2008	Page No	2a,3a
Media Title	Utusan Malaysia	Article Size	1449 cm2
Section	Supplement	Frequency	Daily
Circulation	238082	Color	Full Color
Readership	833287	AdValue	20419.60



MENTERI Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mustapa Mohamed tertarik melihat buah tomat yang ditanam menggunakan teknik fertigasi.

Malaysia bertuah kerana mempunyai kekayaan sumber air dan biologi tetapi tidak memberi jaminan bahawa segalanya telah tersedia

Oleh LAUPA JUNUS

MALAYSIA semakin menyedari bahawa pertanian, sampai bila-bila pun amat penting dan tidak boleh dipinggirkan, apatah lagi sektor tersebut merupakan penyumbang utama sumber makanan negara.

Justeru, agenda pertanian negara yang diperkukuhkan dengan pendekatan baru supaya lebih dinamik, berdaya saing, bercorak komersial dan ekonomik dan berteknologi tinggi.

Malaysia telah merdeka selama lima dekad dan pertanian mengalami revolusi ketara daripada sekadar aktiviti bercucuk tanam dan menangkap ikan kepada industri yang mempunyai nilai tambah di setiap peringkat rantaian bekalan.

Jika kita mengungkap lipatan sejarah di kebanyakan tamadun awal dunia, masyarakat ketika itu menghuni pinggir sungai kerana di sinilah mereka bertani untuk kesinambungan hidup.

Lembah Sungai Nil, Sungai Hwang Ho (China), Lembah Sungai Tigris dan Furat di Iraq, sekadar beberapa contoh, membuktikan keadaan tersebut, sekali gus mengiayakan

bahawa manusia memerlukan pertanian untuk hidup.

Namun, mereka masih perlu melakukan sesuatu, antaranya mencipta pelbagai peralatan dan sistem untuk memanfaatkan sumber sedia ada, supaya pertanian yang diusahakan bertambah baik.

Sebab itu, apabila kita menyebut pertanian perlu menerima suntikan teknologi untuk menjadikannya lebih baik daripada segi mutu dan produktiviti, faktor itu tidak boleh ditolak sebaliknya lebih banyak kaedah baru perlu diperkenalkan.

Malaysia bertuah kerana mempunyai kekayaan sumber air dan biologi tetapi ia tidak memberi jaminan bahawa segalanya telah terselesaikan tetapi banyak masalah dan cabaran dapat ditangani dengan aplikasi teknologi.

Senario awal pertanian Malaysia menunjukkan banyak pergantungan kepada tenaga buruh dan sumber tanah yang luas.

Sebagai contoh Dalam Dasar Pertanian Negara I (DPNI), pada 1985 pertanian komoditi atau perladangan sangat menonjol dengan penanaman kelapa sawit dan getah serta koko.

Hari ini, dengan kawasan tanah yang terhad dan pergantungan kepada tenaga buruh tidak menjadikan industri lebih kompetitif, maka pendekatan pertanian baru wajar mengambil tempat.

Apatah lagi, cabaran semasa dengan krisis makanan dan tenaga menjadi ancaman selain



masalah alam sekitar pertanian wajar menerima suntikan baru supaya sektor tersebut bukan sekadar penyumbang sumber makanan tetapi juga enjin pertumbuhan ekonomi.

Tambahan pula, pertanian juga mempunyai peranan sebagai penyumbang peribangunan sosio-ekonomi penduduk luar bandar selain tukaran wang asing.

Dengan adanya cabaran baru itu, produktiviti perlu ditingkatkan bagi menampung permintaan makanan yang semakin meningkat, dan ini mewajarkan supaya pertanian baru diamalkan.

Jika pada awal kemerdekaan, Malaysia tidak mempunyai institusi mantap untuk melahirkan tenaga pakar pertanian, kerana ketika itu hanya Kolej Pertanian Malaya yang wujud, kini Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) menjadi peneraju kepada pemodenan sektor pertanian.

Dengan adanya institusi-institusi terbabit serta puluhan lagi yang turut serta membekalkan teknologi, dan menyalurkan khidmat nasihat, Malaysia berada di landasan betul memajukan sektor pertanian.

Pada masa sama, tiga dasar pertanian yang digubal berjaya membantu mentransformasikan sektor tersebut dan apabila kepimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengambil alih pada 2004, pertanian diperkasakan sebagai antara tiga enjin pertumbuhan ekonomi negara selain pementakan dan perkhidmatan.

Malah industri asas tani, satu daripada beberapa projek berimpak besar (HIP) diperkenalkan kerana ia turut membantu menjaja ekonomi penduduk luar bandar.

Projek-projek HIP termasuk Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Ladang Kontrak, Zon Industri Akuakultur (ZIA), Pusat Fidlot Nasional (NFC) dan industri asas tani (IAT) sudah un digerakkan dengan penyertaan swasta yang bukan sahaja mampu mengangkat martabat pertanian tetapi dijangka meningkatkan jumlah usahawan-usahawan baru.

Konsep TKPM misalnya mahu melahirkan usahawan tani berpendapatan minimum RM3,000 sebulan manakala usahawan tani menyasarkan sehingga RM2,000 pendapatan bersih sebulan menjelang berakhirnya RMK-9.

Sektor perikanan juga kian berkembang dengan pengenalan pelbagai program, perikanan laut dalam dan laut lepas termasuk industri tangkapan tuna.

Malah, terdapat nelayan kini yang bergelar usahawan dengan memiliki bot-bot besar dengan pendapatan lumayan.

Bidang akuakultur juga menawarkan peluang sebagai usahawan sekiranya diamalkan mengikut cara yang sistematik serta memanfaatkan teknologi termasuk bioteknologi.

Pada masa sama Dasar Bioteknologi Negara yang menekankan kepada pertanian, diharap mewujudkan keghairahan baru dalam sektor tersebut terutama penduduk luar bandar.

Kini pembiakbakaan dan pembenihan memanfaatkan teknologi tersebut termasuk pengklonan, kultur tisu dan pembenihan.

Teknologi - teknologi ini melahirkan sekian banyak varieti tanaman dan baka ternakan yang satu ketika dahulu tidak pernah kedengaran.

Tisu didik atau membiakkan anak pokok dalam balang kaca bukan asing ketika ini kerana saintis tempatan yang dilahirkan dengan nikmat hasil kemerdekaan telah membuktikannya.

Produk dari makmal itu sudahpun dipindahkan ladang penanaman untuk faedah petani.

Maka tidak mustahil, konsep pertanian baru ini bukan sahaja dapat meningkatkan nilai eksport dalam imbang dagangan (BOT) tetapi dapat membebaskan penduduk luar bandar daripada belenggu kemiskinan.

Terbaru kerajaan memperkenalkan Dasar Jaminan Bekalan Makanan dengan tumpuan kepada tanaman padi, termanakan dan sayur-sayuran.

Dasar ini penting bagi memastikan pengeluaran makanan negara mencukupi dan apabila Program Buku Hijau atau Bumi Hijau diperkenalkan semula, budaya bercucuk tanam dan menternak kembali disemarakkan di kalangan rakyat.

Di sebalik program-program dan dasar tersebut, penggunaan ICT dan satelit dalam pertanian mula diperkenalkan dengan pembangunan teknologi pertanian tepat.

Teknologi ini masih baru dan asing di kalangan pengusaha tetapi ia pada akhirnya menjadikan sektor tersebut menjadi lebih moden dan diurus dengan baik.



KEMENTERIAN Pertanian dan Industri Asas Tani mempunyai tanggungjawab besar memacu sektor pertanian selaras dengan matlamat Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3).



PRODUK Segar pertanian tempatan kini mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

Dasar Pertanian Negara 1 (DPN 1) (1984-1991)

- Membangunkan sektor pertanian berorientasikan eksport
- Tenaga buruh mencukupi
- Dasar ekonomi berkembang
- Sumber tanah mencukupi
- Tanaman komoditi seperti kelapa sawit, getah dan koko

DPN2 (1992-1997)

Penekanan

- Meningkatkan produktiviti, kecekapan dan persaingan
- Meningkatkan keluasan tanaman kelapa sawit
- Pembangunan industri asas tani

DPN3 (1998-2010)

Penekanan

- Meningkatkan daya saing sektor pertanian
- Memaksimumkan pendapatan melalui penggunaan sumber secara optimum

Objektif khusus

- Meningkatkan sekuriti makanan
- Meningkatkan produktiviti dan daya saing

- Merapatkan rantaian dengan sektor lain
- Mewujudkan sumber pertumbuhan baru
- Menggunakan dan memulihara sumber semula jadi.

Isu dan cabaran pertanian

- Sumber tanah dan benih Kawasan kecil dan tidak ekonomik manakala benih banyak diimport

Guna tenaga

- Umur petani lebih 55 tahun agak dominan
- Tidak mampu menarik golongan muda
- Kurangnya minat swasta kerana menganggapnya sebagai sektor tidak berdaya maju
- Cabaran globalisasi dan liberalisasi
- Keperluan meningkatkan daya saing produk

Keselamatan Makanan

Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9)

- Berskala besar dan ekonomik
- Penggunaan teknologi moden
- Pengeluaran berkualiti dan mempunyai nilai tambah
- Menggunakan bioteknologi dan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)
- Melahirkan usahawan tani